

PERKASA Akan Fail Permohonan Injunksi Halang Kerajaan Kedah Roboh Madrasah Salihiah
Bernama
3 Januari , 2012

KUALA LUMPUR, 3 Jan (Bernama) -- Pertubuhan Pribumi Perkasa Malaysia (Perkasa) akan memfailkan permohonan injunksi untuk menghalang kerajaan negeri Kedah merobohkan Madrasah Salihiah.

Presidennya Datuk Ibrahim Ali berkata permohonan itu akan difailkan menerusi firma guaman Ahmad Rusydi Md Nor & Partners di Mahkamah Tinggi Alor Star esok.

"Perkasa akan menaja peguam bagi memohon injunksi di mahkamah agar madrasah yang berusia lebih 100 tahun ini tidak dirobuhkan. Sebenarnya, banyak alasan untuk elak ia dirobuhkan. Saya agak pelik kerana kerajaan Kedah kononnya memperjuangkan Islam tetapi nak merobohkannya.

"Tapi kita Perkasa akan memperjuangkan agar ia tidak dirobuhkan. Kita juga akan melancarkan kempen mengumpul tandatangan untuk menghalang kerajaan Kedah daripada merobuhkan madrasah tersebut," katanya kepada pemberita di sini, Selasa.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v5/bm/newsindex.php?id=637789>